

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL
[KUALA KEDAH]
TARIKH : 25 MEI 2016
SOALAN :

YB Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang doktor Kementerian dibenarkan bekerja sebagai lokum di sektor swasta. Berapa ramai doktor yang terlibat dan bagaimana Kementerian memastikan kerja mereka dengan Kementerian tidak terabai.

Tuan Yang di-Pertua,

Jemaah Menteri pada tahun 2006 telah meluluskan doktor Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melakukan lokum di sektor swasta sebagai salah satu insentif dalam pakej mengekalkan Pegawai dan Pakar Perubatan untuk terus berkhidmat dengan kerajaan. Adalah dianggarkan sebanyak 10% Pakar Perubatan KKM yang berdaftar melakukan lokum di sektor swasta.

Bagi memastikan tugas lokum tidak mengabaikan kerja mereka di KKM, peraturan mengenai perkara ini telah diedarkan termasuk aspek

pemantauan berterusan. Kelulusan ketua jabatan diperlukan sebelum pegawai dibenarkan melakukan lokum bagi memastikan tugas hakiki tidak diabaikan. Peraturan tersebut turut menyatakan bahawa integriti penjawat awam perlu diutamakan. Selain itu, Pegawai Perubatan KKM perlu sentiasa memberi keutamaan kepada perkhidmatan sektor awam dan bersedia untuk dipanggil pada bila-bila masa terutama bila berlaku kecemasan.